

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 8 OKTOBER 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

- (a) langkah-langkah terkini menjadikan Malaysia tersenarai antara 10 negara terbersih di dunia menjelang tahun 2020; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang memperkenalkan Akta 672 dan Akta 673 di negeri Terengganu setelah dilaksanakan di tujuh negeri yang lain sebelum ini.

JAWAPAN (A):

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merangka Dasar Kebersihan Negara ke arah mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara bersih, mampan dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan masyarakat bagi menjamin kesejahteraan hidup dan

kelestarian alam sekitar. Dasar ini bakal dilancarkan pada 3 November 2019 bersempena Sambutan Hari Habitat Sedunia peringkat Malaysia.

2. Pelaksanaan Dasar Kebersihan Negara akan melibatkan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang bertanggungjawab di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan bidang kuasa agensi masing-masing. Selain itu, tanggungjawab untuk mewujudkan negara bersih ini juga perlu dipikul bersama oleh semua lapisan masyarakat di samping penglibatan komuniti, institusi pendidikan, agensi swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Adalah menjadi hasrat kementerian agar Dasar Kebersihan Negara ini dapat menjadi panduan yang komprehensif kepada pelbagai pihak berkepentingan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara bersih dan seterusnya sebagai destinasi pelancongan dunia dan dalam masa yang sama memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* – SDG) menjelang tahun 2020.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam usaha untuk memelihara kelestarian alam sekitar seiring dengan kepesatan pembangunan negara, Kementerian komited untuk mewujudkan persekitaran bandar yang bersih dan selesa untuk didiami dan merancang untuk mewujudkan pengiktirafan bandar bersih. Pencapaian sehingga kini, Bandar Muar telah terpilih sebagai bandar terbersih di Asia Tenggara selain Pulau Pinang dan Putrajaya.

4. Selain itu, Kementerian juga akan melaksanakan program-program yang melibatkan semua pihak di peringkat keluarga, komuniti, institusi, sektor kerajaan dan swasta serta industri bagi meningkatkan kesedaran untuk menjaga kebersihan persekitaran, seterusnya membudayakan amalan kebersihan dalam kehidupan seharian.

JAWAPAN (B):

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) merupakan Akta yang memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan dalam menguruskan perkara-perkara berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Manakala Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673) merupakan Akta penubuhan SWCorp iaitu agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan segala dasar-dasar berkaitan pengurusan sisa pepejal yang diputuskan oleh Kerajaan.

2. Adalah menjadi hasrat KPKT untuk menguatkuasakan Akta 672, seterusnya melaksanakan penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (PSPPA) di semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia termasuk di negeri Terengganu. Ini bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan PSPPA serta menyeragamkan perkhidmatan tersebut tanpa mengira pendapatan PBT di negeri-negeri berkenaan.

3. Walau bagaimanapun, bagi memastikan keseluruhan proses penswastaaan tersebut dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, Kementerian perlu mengkaji implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan mengambil kira kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.